

**Dr M tiada calon ganti Najib sekiranya BN gagal dapat dua pertiga  
Malaysian Insider  
Mac 27, 2013  
Oleh Nomy Nozwir**

KUALA LUMPUR, 27 Mac — Tun Dr Mahathir Mohamad mengatakan beliau tidak mempunyai cadangan calon untuk menggantikan Datuk Seri Najib Razak sekiranya Barisan Nasional (BN) gagal untuk mendapatkan kembali majoriti tradisi dua pertiga di Parlimen dalam Pilihan Raya 2013.

Bekas perdana menteri itu walau bagaimanapun, tidak menjangkakan perkara itu akan berlaku dalam pilihan raya tidak lama lagi.

"Saya tidak ada sebarang calon, itu cuma teori jika Umno dan BN tewas, tapi saya tidak menjangkakan itu akan berlaku," kata Dr Mahathir selepas merasmikan seminar Yayasan Human Life Advancement Foundation di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini merujuk kepada pengganti Najib sekiranya BN tidak mendapatkan dua pertiga.

Pada 24 Mac lalu, bekas perdana menteri itu dilaporkan oleh media berkata Umno akan menolak Najib sebagai perdana menteri, presiden Umno dan pengerusi BN jika gagal memperbaiki keputusan Pilihan Raya 2008.

Dr Mahathir berkata demikian kepada agensi berita AFP dan menambah beliau bimbang jika perubahan berlaku kerana menjangkakan kekacauan agama dan huru-hara akan terjadi jika BN tewas.

"Sudah pasti, jika beliau tidak berjaya, sudah pasti ada keperluan untuk menukar kepimpinan," katanya dipetik dari AFP. Bekas perdana menteri itu juga lantang mengkritik seorang lagi bekas perdana menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan mendesak perdana menteri kelima itu meletakkan jawatan selepas BN gagal mempertahankan majoriti dua pertiga dalam parlimen disamping kehilangan empat buah negeri kepada pakatan pembangkang.

AFP melaporkan Dr Mahathir mempunyai pengaruh yang cukup kuat, terutamanya kepada majoriti Melayu kerana membawa kejayaan, kestabilan dan mempertahankan ketuanan Melayu di bawah kepimpinannya.

"Mahathir masih berpengaruh dalam Umno, dan masih mampu mendapat sokongan yang cukup ramai dari kalangan akar umbi," kata Ibrahim Suffian, ketua kepada pemantau kajian Merdeka Center.

Tetapi dengan tentangan hebat untuk menamatkan pentadbiran autokratik, Mahathir cuba untuk melindungi legasinya.

Dr Mahathir di khalayak umum mempersoalkan liberalisasi oleh Najib, dan memberi amaran huru-hara dalam masyarakat berbilang kaum di mana minoriti Cina dan India akan melawan ketuanan Melayu, menurut laporan AFP lagi.

Ia juga melaporkan bahawa Dr Mahathir dikatakan rapat kepada timbalan Najib, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang dilihat sebagai nasionalis Melayu, dan cuba mendapatkan pengaruh dalam pemilihan Umno yang dijangka selepas pilihan raya umum.

"Najib kini dalam perhatian dan orang yang akan menentukan masa depan Najib ialah Mahathir," kata pemimpin pembangkang Lim Kit Siang memberitahu AFP.

Laporan AFP juga mengatakan Dr Mahathir, yang bergerak perlahan sejak akhir-akhir ini tetapi masih lagi sinikal tetapi kebimbangan beliau bahawa kemenangan pembangkang membuatnya kembali bersuara.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-tiada-calon-ganti-najib-sekiranya-bn-gagal-dapat-dua-pertiga/>